

02 NOV 2000

Mahathir-Melayu

ORANG MELAYU TIDAK AKAN BOLOT KUASA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata orang Melayu khususnya UMNO tidak akan membolot kuasa di negara ini kerana cara itu akan hanya membawa kepada keadaan yang tidak stabil dan menjejaskan keamanan negara.

"Untuk mendirikan kerajaan Melayu sahaja memang boleh tetapi kita hendak kerjasama antara kaum kerana kita berpendapat kerjasama ini akan membawa kepada keamanan dan kestabilan negara," katanya pada majlis penyerahan laporan akhir Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Perdana Menteri berkata ini terbukti apabila berlaku rusuhan kaum dalam tahun 1969, orang asing meramalkan bahawa Malaysia tidak akan stabil kerana orang Melayu akan membolot kuasa, namun ianya tidak menjadi kenyataan.

Malahan, peristiwa itu memberi pengajaran kepada rakyat tentang betapa ruginya negara apabila berlaku rusuhan kaum, kata beliau.

Katanya, UMNO tidak mengambil kesempatan daripada peristiwa itu untuk merebut kuasa bagi orang Melayu tetapi sebaliknya membangunkan semula kerjasama dengan semua kaum dan akhirnya dapat membaiki pergeseran yang wujud sesama sendiri.

"Sejak itu, ramalan demi dibuat oleh media asing tentang keadaan di negara ini termasuk laporan yang mendakwa bahawa negara kita nampak sahaja aman tetapi di dalamnya penuh dengan ketegangan.

"Kita tak boleh kawal apa yang diperkatakan oleh media asing... tetapi kita lebih tahu apa yang berlaku dalam negara kita sendiri," tegas beliau.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerjasama antara kaum akan tetap diteruskan untuk membangunkan negara.

Beliau berkata dengan adanya kerasama ini, rasa tidak puas setiap kaum dapat disuarakan dan dibincangkan serta menambah bahawa itulah yang membawa kepada kestabilan negara.

Dr Mahathir berkata pembangunan kaum di negara ini tidak seimbang justeru perlu ada pengorbanan oleh satu pihak untuk pihak yang lain.

Katanya jika sesuatu tuntutan yang melampau oleh sesuatu kaum itu dibiarkan akan berlaku pertentangan yang hebat seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina dan Ireland Utara.

Justeru, UMNO komited untuk bekerjasama dengan semua kaum dan berkata "tidak ada hasrat pada UMNO untuk membolot kuasa untuk diri sendiri. Kita nak agihkan kuasa diantara semua kaum di negara ini," kata beliau.

-- BERNAMA

AKT AKT FAZ